

**PENYATA PENDEDAHAN PRODUK**

(Sila baca Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Kredit BSN. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am. Dapatkan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am).

**BANK SIMPANAN NASIONAL****PRODUK: KAD KREDIT BSN****TARIKH :**

(untuk diisi oleh Wakil Jualan / Cawangan)

**1. Apakah produk ini?**

Kad Kredit BSN ini dilengkapi dengan had kredit yang diberikan oleh kami kepada anda dan sekiranya apa-apa amaun kredit yang anda gunakan tidak diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh yang perlu dibayar, jumlah yang belum diselesaikan akan tertakluk kepada caj kewangan. Untuk maklumat lanjut berkenaan Kad Kredit BSN, sila layari [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my).

Pendapatan minimum yang diperlukan adalah seperti berikut:

Jenis Kad Kredit	Pendapatan Minimum
Kad Kredit BSN Visa/Mastercard Klasik	RM24,000.00 setahun
Kad Kredit BSN Visa/Mastercard Emas	RM36,000.00 setahun
Kad Kredit BSN Visa/Mastercard Platinum	RM48,000.00 setahun
Kad Kredit BSN-Teachers Mastercard Emas	RM24,000.00 setahun
Kad Kredit BSN G-Card Visa	RM24,000.00 setahun
Kad Kredit BSN-AIAFAM Visa Platinum	RM32,000.00 setahun

*Untuk menggantikan bukti pendapatan, anda boleh membuat sandaran Sijil Simpanan Premium (SSP)/ BSN Term Deposit. Jumlah sandaran minimum ialah RM4,000 dan mungkin berbeza tertakluk kepada jenis kad. Permohonan ini juga akan tertakluk kepada kelulusan dan Bank berhak menentukan had kredit yang diluluskan atas budi bicara. Duti setem sebanyak RM5 bagi setiap RM1,000 had kredit yang diluluskan akan dikenakan dan dicaj kepada akaun kad kredit anda. Tertakluk pada terma dan syarat lain.*

**2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?****• Had Kredit**

Had kredit setiap Kad Kredit BSN akan ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan pemohon, penilaian kredit individu dan jenis kad kredit yang dipohon. Had kredit untuk pemegang Kad Kredit BSN adalah tertakluk kepada budi bicara BSN dan had kredit masing-masing bagi setiap Kad Kredit adalah seperti berikut:

Jenis Kad Kredit	Had Kredit	Cagaran BSN SSP/ BSN Term Deposit
Kad Kredit BSN Visa/Mastercard Klasik		
Kad Kredit BSN Visa/Mastercard Emas		
Kad Kredit BSN Visa/Mastercard Platinum		
Kad Kredit BSN Teachers Mastercard Emas		
Kad Kredit BSN G-Card Visa		
Kad Kredit BSN-AIAFAM Visa Platinum	Akan ditentukan berdasarkan penilaian kredit anda.	Had kredit berdasarkan 95% daripada jumlah yang dicagarkan.

Nota: Sekiranya pendapatan tahunan anda ialah RM36,000 atau kurang, had kredit tidak akan melebihi 2 kali dari pendapatan bulanan anda.

**3. Apakah tanggungjawab saya?****• Bayaran Minimum Bulanan**

5% baki semasa\* + 100% ansuran bulanan (jika ada)\*\* + 100% amaun tunggakan (jika ada) + amaun melebihi had kredit (jika ada) ATAU RM50 yang mana lebih tinggi.

\* Baki semasa = Cukai Perkhidmatan + transaksi runcit (jika ada) + amaun pendahuluan tunai (jika ada) + caj kewangan dan/atau caj lewat dan sebarang fi dan caj lain yang berkaitan (jika ada).

\*\*Terpakai kepada program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN EasyCash, Pelan 0% EasyPay BSN, Pelan Instalment-Pay BSN yang BAHARU, Penukaran Baki Automatik (ABC) dan pelan ansuran lain yang disediakan dari semasa ke semasa yang diluluskan bermula dari 2 Oktober 2019.

**• Tempoh Tanpa Caj Kewangan (tidak terpakai kepada Pelan Pindahan Baki, EasyCash dan Pendahuluan Tunai)**

Bagi transaksi runcit - 20 hari dari tarikh penyata, sekiranya semua transaksi runcit bulanan sebelumnya telah dibayar sepenuhnya sebelum atau pada tarikh akhir pembayaran. Jika tidak, caj kewangan pada transaksi runcit akan dikira dari tarikh pengeposan transaksi.

**• Liabiliti Penggunaan Kad Kredit**

Sebagai Pemegang Kad Kredit Utama, anda akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad Kredit Tambahan. Anda mesti memastikan bahawa anda mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk memastikan Kad Kredit dan PIN anda dilindungi sepanjang masa. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) TIDAK:

- i. mendedahkan butiran Kad Kredit atau PIN anda kepada mana-mana orang lain.
- ii. menulis PIN anda pada Kad Kredit, atau apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit, yang boleh hilang atau dicuri dengan Kad Kredit atau apa sahaja dan di mana sahaja yang dapat difahami oleh mana-mana orang lain sebagai PIN ke Kad Kredit anda.
- iii. menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon.
- iv. membenarkan Kad Kredit di luar penjagaan.
- v. membenarkan mana-mana orang menggunakan Kad Kredit dan / atau PIN.

Anda mesti memaklumkan kami:

- i. sebaik sahaja menerima notifikasi transaksi SMS jika transaksi itu tidak sah; atau
  - ii. dengan segera setelah mendapati Kad Kredit anda hilang, dicuri, transaksi yang tidak sah telah berlaku dan/ atau terdapat pendedahan PIN anda; atau
  - iii. dengan segera apa-apa perubahan nombor telefon pemegang kad.
- Anda mesti menggunakan Kad Kredit secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad Kredit untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
  - Anda mesti menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa penangguhan.
  - Anda mesti mematuhi terma dan syarat untuk menggunakan Kad Kredit di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my).

#### 4. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar?

Yuran dan Caj	Perihal
Yuran Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Kredit Utama – Percuma Sepanjang Hayat</li> <li>• Kad Kredit Tambahan – Percuma Sepanjang Hayat</li> </ul>
Yuran Pendahuluan Tunai	5% daripada pengeluaran tunai atau RM10 yang mana lebih tinggi akan dikenakan bagi amaun yang dikeluarkan.
Yuran Penggantian Kad Kredit	Penggantian Kad Kredit untuk kali pertama adalah percuma. Caj penggantian Kad Kredit untuk kali yang kedua dan seterusnya adalah RM50 untuk setiap Kad Kredit.
Yuran untuk Permintaan Draf Jualan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Draf Jualan Asal – RM15 setiap satu salinan</li> <li>• Salinan Fotokopi Draf Jualan – RM5 setiap satu salinan</li> </ul>
Yuran Penyata Tambahan Kad Kredit	RM5 bagi setiap penyata bulanan.
Tukaran Bagi Transaksi Luar Negara	Transaksi yang dilakukan di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar harian transaksi kerana turun naik pasaran. Kadar tukaran adalah berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Visa International/ Mastercard Worldwide ditambah kos pentadbiran sebanyak 1% serta termasuk sebarang yuran transaksi yang dikenakan oleh Visa International/ Mastercard Worldwide.
Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Kredit Utama – RM25 setahun bagi setiap kad</li> <li>• Kad Kredit Tambahan – RM25 setahun bagi setiap kad</li> </ul>
Lain-lain Yuran dan Caj	Akan dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa bagi semua perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad Kredit dengan notis 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan.

\* Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Akaun Kad Kredit anda kecuali Caj Bayaran Lewat dan Caj Kewangan untuk transaksi runcit/ pendahuluan tunai adalah tertakluk sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

- **Caj Kewangan :**

- i. **Pembelian Runcit**

Caj Kewangan akan dikenakan ke atas baki tertunggak transaksi runcit yang tidak dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Pengiraan Caj Kewangan bermula dari tarikh transaksi diposkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit berdasarkan kadar berikut:

Syarat	Kerajaan	Swasta	Teacherscard	G-Card	AIAFAM Visa Platinum
	Klasik /Emas/Platinum				
<b>Peringkat I</b> Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu di bayar selama 12 bulan berturut-turut	11% setahun	13.5% setahun	8.88% setahun	8.88% setahun	13.5% setahun
<b>Peringkat II</b> Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu dibayar bagi 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan.	13.5% setahun	16% setahun	9.99% setahun	13% setahun	16% setahun
<b>Peringkat III</b> Pemegang Kad yang tidak termasuk di dalam kategori-kategori di atas.	17.5% setahun	17.5% setahun	14% setahun	17.5% setahun	17.5% setahun

\*Untuk menikmati Caj Kewangan yang lebih rendah untuk transaksi runcit, anda harus membuat sekurang-kurangnya 10 bulan bayaran tepat masa dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

- ii. **Pendahuluan Tunai**

Caj Kewangan akan dikenakan pada kadar 1.5% sebulan yang bersamaan 18% setahun dan dikira pada kadar harian dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit. Anda boleh mengeluarkan sehingga 75% daripada had kredit sedia ada.

## 5. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

- **Caj Bayaran Lewat**

Sekurang-kurangnya RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata (yang mana lebih tinggi), sehingga maksimum RM100.

- **Hak untuk Tolak Selesai**

BSN berhak, dengan notis, untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun anda dengan BSN untuk menyelesaikan atau memindahkan wang untuk membayar baki tertunggak Kad Kredit anda pada bila-bila masa.

- **Liabiliti untuk Transaksi yang Tidak Diberikuasa**

Anda mesti mengamalkan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan Kad Kredit anda. Jika Kad Kredit anda hilang atau dicuri, anda mesti memaklumkan kami dengan serta-merta, diikuti dengan pengesahan bertulis bersama dengan salinan laporan polis tidak lewat dari tujuh (7) hari dari kejadian tersebut.

Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran berdasarkan PIN jika anda:

- melakukan penipuan; atau
- menangguhkan dalam memaklumkan Bank secepat yang mungkin selepas menemui kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran; atau
- secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
- mencatatkan PIN pada Kad Kredit atau apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit anda.

Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi yang tidak sah yang memerlukan pengesahan tandatangan atau transaksi tanpa sentuh, jika anda:

- melakukan penipuan; atau
- menangguhkan dalam memaklumkan bank secepat yang mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran; atau
- meninggalkan Kad Kredit atau item yang mengandungi Kad Kredit anda tanpa jagaan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
- secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit anda.

Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit BSN, kami berhak untuk menamatkan Kad Kredit anda dan keseluruhan baki tertunggak hendaklah serta merta dibayar kepada BSN.

**6. Apakah risiko utama?**

- Sekiranya anda hanya membayar jumlah minimum bulanan, caj faedah dan masa yang diambil untuk menjelaskan keseluruhan baki akan bertambah. Fikirkan keupayaan bayaran balik anda apabila menggunakan Kad Kredit BSN.
- Sekiranya anda menggunakan Kad Kredit untuk membayar pembiayaan lain, ianya mungkin akan menambahkan tanggungan anda.
- Caj Kewangan yang dikenakan ke atas baki tertunggak bagi Kad Kredit ini adalah berdasarkan struktur kadar berperingkat mengikut sejarah pembayaran balik anda.
- Untuk mengelakkan Caj Kewangan yang dikenakan, semua Pemegang Kad yang telah melanggar kepada pelan pembayaran balik bulanan ‘tanpa faedah’ dikehendaki membuat bayaran ansuran bulanan penuh yang dinyatakan oleh pihak Bank pada masa Pemegang Kad menyertai Pelan Pembayaran Ansuran (“Ansuran Bulanan”). Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk membayar balik minimum lima peratus (5%) daripada jumlah baki tertunggak di bawah Pelan Bayaran Ansuran (“Baki Tertunggak”) atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), yang mana lebih tinggi dan bukan Ansuran Bulanan sepenuhnya, Caj Kewangan akan dikenakan.
- Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan baki Kad Kredit BSN, hubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- Anda harus memaklumkan kami sebaik sahaja mengetahui Kad Kredit BSN anda hilang atau dicuri.
- Jika kami mengesan sebarang aktiviti yang mencurigakan pada Akaun Kad Kredit anda, kami akan menyekat hak kredit anda sementara sehingga aktiviti tersebut disahkan.
- Kami berhak, dengan notis, menarik balik semua kemudahan kredit lain yang anda miliki dengan kami sekiranya berlaku kegagalan bayar balik Kad Kredit atau jika anda melanggar mana-mana terma dan syarat Kad Kredit BSN.

**7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya baki sebelum tempoh matang? (Untuk Program Pindahan Baki BSN,Pelan BSN EasyCash,Pelan Instalment-Pay BSN dan Pelan 0% EasyPay BSN )**

Anda tidak akan dikenakan sebarang penalti penyelasaian awal jika anda menyelesaikan sepenuhnya Program Pindahan Baki BSN,Pelan BSN EasyCash, Pelan Instalment-Pay BSN dan Pelan 0% EasyPay BSN sebelum tempoh matang. Bagaimanapun, anda akan dikenakan jumlah keseluruhan hutang kepada BSN, termasuk amaun pokok dan faedah tertunggak sebagai pembayaran akhir.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi saya seperti nombor telefon, alamat dan emel?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami dengan segera apa-apa perubahan dalam alamat perniagaan atau kediaman dan nombor telefon anda untuk memastikan semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?**

- I. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau pertanyaan tentang Kad Kredit ini, anda boleh melayari laman web kami di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) atau tulis ke alamat :

Jabatan Perniagaan Kad & CRM,  
Bank Simpanan Nasional,  
Tingkat Bawah, Blok A,  
117 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-88-1900  
Faks : 03-2688 0888  
Emel : [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)

- II. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:-  
Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465  
Faks : 03-2174 1515  
Emel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

- III. Disamping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia yang menawarkan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran semula pinjaman untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:-

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2616 7766  
Emel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

**NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN BALIK BAKI KAD KREDIT ANDA.**